



**S2: Dimanakah boleh saya dapatkan Borang Penebusan?**

- J: 1) Di semua pasar raya, pasar raya besar, pasar raya mini, kedai stesen minyak, dan mini markets, petrol marts dan kedai 7-Eleven yang turut serta.  
2) Laman web MILO: <http://www.milo.com.my>

**S3: Apakah tarikh luput yang layak diterima Bagi produk MILO yang turut serta?**

- J: **Tarikh luput yang layak diterima** Bagi produk MILO yang turut serta ialah **mulai Oktober 2019 dan ke atas.**

**S4: Boleh saya kirimkan / hantarkan Borang Penebusan saya ke pejabat, peniaga atau pejabat cawangan Nestlé?**

- J: **TIDAK. Tidak akan ada penebusan melalui pos.**  
Semua borang penebusan dan BP yang dihantar ke Pejabat Nestle, peniaga atau cawangan mereka akan hilang kelayakannya dan TIDAK akan dikembalikan.  
Semua penebusan yang dihantar melalui kurier atau penghantaran akan ditolak.  
Penebusan yang dimasukkan menggunakan kotak pos Omniteam dan melalui pos biasa TIDAK akan dikembalikan.

**S5: Bolehkah saya mendapatkan semula borang dan BP yang saya telah hantar ke pejabat Nestlé atau Omniteam?**

- J: TIDAK. Semua borang yang dihantar akan hilang kelayakannya dan tidak akan dikembalikan.

**S6: Kenapa tidak ada penebusan pos untuk Program Penebusan Segera Payung Juara?**

- J: Tiada penebusan pos kerana barang penebusan adalah dalam kuantiti terhad dan ia mudah patah untuk penghantaran melalui kurier.

**S7: Kenapa saya hanya boleh menebus maksimum 2 barangan dalam 1 Borang Penebusan?**

- J: Anda hanya boleh menebus maksimum 2 barangan dalam 1 Borang kerana kita mahu mengawal bilangan barangan penebusan yang dibenarkan ditebus oleh pengguna semasa dalam barisan supaya pengguna lain akan mendapat peluang untuk menebus juga.

**S8: Apakah jumlah maksimum borang yang boleh dihantar?**

- J: Maksimum 5 borang untuk setiap tempoh penebusan.  
- **5 borang untuk tempoh 5 Oktober - 17 November 2019** dan  
- **5 borang untuk tempoh 18 November - 29 Disember 2019**

**S9: Boleh saya menghantar salinan Borang Penebusan?**

- J: Boleh, tetapi setiap borang penebusan mesti diisi dengan maklumat yang diperlukan serta Bukti Pembelian dengan Mata yang mencukupi yang diperlukan untuk menebus barangan.

**S10: Bolehkah saya menebus bagi pihak rakan dan keluarga saya?**

- J: Setiap peserta mestilah berumur 18 tahun ke atas pada 5 Oktober 2019 dan mempunyai dokumentasi yang sah. Peserta TIDAK dibenarkan menebus bagi pihak orang lain. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.

**S11: Bolehkah saya menempah payung dengan lebih awal?**

J: Tidak, setiap peserta mesti berada di dalam barisan untuk menebus untuk boring mereka sendiri. Tiada tempahan awal dibenarkan.

**S12: Apa yang akan berlaku sekiranya saya menyertakan mata yang berlebihan?**

J: Semua mata yang berlebihan tidak akan dipulangkan kepada peserta.

**S13: Apa yang akan berlaku sekiranya saya menyertakan mata yang kurang/tidak mencukupi?**

J: Borang Penebusan tidak akan dilayan dan akan dibatalkan. Peserta perlu menyertakan mata yang sama nilai atau melebihi jumlah mata penebusan yang diperlukan untuk mengelakkan sebarang kekecewaan.




**S14: Apakah barangan yang boleh ditebus?**

J: Kami menawarkan 2 Payung Juara MILO untuk setiap tempoh penebusan dari **5 Oktober – 17 November 2019 (Payung A & Payung B)** dan **18 November – 29 Disember 2019 (Payung C & Payung D)**.



Terdapat sejumlah 4 Payung Juara MILO yang ditawarkan dalam program penebusan (sila rujuk jadual di bawah).

**40 Mata untuk 1 PAYUNG JUARA MILO**

05 OKTOBER – 17 NOVEMBER 2019		18 NOVEMBER – 29 DISEMBER 2019	
	<input type="text" value="Kuantiti:"/>		<input type="text" value="Kuantiti:"/>
<b>Payung A</b>		<b>Payung C</b>	<input type="text" value="Kuantiti:"/>
			<input type="text" value="Kuantiti:"/>
		<b>Payung D</b>	

**MAKSIMUM 2 PAYUNG SAHAJA BAGI SETIAP BORANG PENEBUSAN**  
NOTA: Penebusan melebihi kuantiti 2 PAYUNG akan DIBATALKAN serta-merta.  
Payung berpanel 30 inci.

**S15: Sekiranya saya mempunyai mata yang berlebihan dalam tempoh 18 November – 29 Disember 2019 dan saya ingin menebus Payung A & Payung B (5 Oktober – 17 November 2019), bolehkah saya berbuat demikian?**

J: TIDAK BOLEH. Ini merupakan barangan edisi terhad dan penebusan adalah terhad kepada tempoh penebusan yang telah ditetapkan. Oleh itu, sekiranya tempoh penebusan yang ditetapkan telah berakhir, peserta hanya boleh menebus penebusan yang seterusnya pada tarikh penebusan yang telah ditetapkan. Maka, kami menyarankan peserta untuk mengumpul mata yang secukupnya dan menghantar borang penebusan lebih awal untuk tempoh penebusan yang ditetapkan untuk menebus stok barangan yang dikehendaki serta untuk mengelakkan sebarang kekecewaan.

**S16: Bagaimana untuk kami mendapatkan barangan penebusan tersebut?**

J: Penganjur akan menubuhkan Pusat Penebusan Segera (PPS) di outlet terpilih Jadual PPS yang dipaparkan di laman web Penganjur: [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my) untuk tarikh penebusan segera dan lokasi PPS. Pengumuman di laman web MILO adalah pada setiap hari Rabu seminggu sebelum tarikh acara.

1. Penganjur akan menetapkan dan memaparkan jumlah Payung yang boleh didapati untuk penebusan setiap hari di setiap PPS dan penebusan segera adalah sementara stok Payung masih ada SAHAJA.
2. Lengkapkan borang penebusan dengan butir-butir peribadi lengkap, dan sertakan Bukti Pembelian dan Mata yang diperlukan seperti di bawah:
  - a. Pembungkusan penuh produk MILO yang turut serta dan bersamaan dengan Mata yang mencukupi seperti yang ditunjukkan dalam Borang. Mata yang terkumpul semasa Tempoh Penebusan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang secara sebahagian atau sepenuhnya. Mata kelebihan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan. Sila pastikan bahawa semua BP yang dikemukakan dibersihkan sebelum menebus. BP yang tidak dibersihkan **TIDAK AKAN DITERIMA.**  
**ATAU**
  - b. Anda juga boleh membeli produk MILO yang turut serta **kecuali** MILO Tin 240ml (Original, Hi-Cal, Mocha, Ice dan KAW) dan MILO NUTRI UP 225ml dan MILO Protein Up 225ml (**yang tidak layak**) dari outlet lokasi PPS pada hari yang sama. Serahkan resit pembelian dari outlet lokasi PPS bertarikh hari yang sama, bersamaan Mata yang mencukupi, sebagai bukti pembelian dengan Borang yang diisi lengkap untuk menebus maksimum 2 Payung. Jika anda ingin menebus lebih daripada 1 Borang, pastikan resit pembelian dasingkan dengan Mata yang mencukupi untuk setiap Borang yang anda serahkan. Untuk pengesahan pembelian, anda mesti menunjukkan produk MILO yang dibeli kepada kakitangan PPS di kaunter PPS semasa penebusan segera. Semua produk MILO anda akan ditampal dengan pelekat khas sebagai bukti penerimaan dan kesemua pembungkusan produk MILO ini tidak lagi akan diterima untuk program penebusan lain. Resit pembelian outlet PPS yang diberikan tidak akan dikembalikan. Mata Berlebihan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan.
3. Anda hanya boleh menebus 2 Payung dengan setiap Borang. Borang untuk penebusan lebih daripada 2 Payung akan dibatalkan. Setiap peserta layak menyerahkan dan menebus 1 Borang pada mana-mana 1 masa tertentu. Peserta perlu beratur sekali lagi jika mahu menyerahkan Borang seterusnya untuk penebusan. Peserta hanya terhad kepada maksima 5 borang untuk setiap tempoh penebusan. Iaitu 5 borang untuk Payung A & B (05/10/2019 – 17/11/2019) dan 5 borang untuk Payung C & D (18/11/2019 – 29/12/2019).
4. Semua Peserta mesti memastikan Payung yang ditebus adalah dalam keadaan baik semasa membuat penebusan segera. Semua Payung yang ditebus di PPS tidak akan diganti setelah penebusan disempurnakan.
5. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Payung yang ditunjukkan dalam borang dengan Payung lain yang sama nilainya, pada bila-bila

masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Payung ditebus dalam “keadaan sedia ada” dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.

6. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau membekalkan Payung dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Payung, jika ada.
7. **Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengubah proses penyerahan Penebusan atau pengendalian Penebusan dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Penebusan.**

**S17: Bilakah tarikh tutup untuk Penebusan ini?**

J: PROGRAM PENEBUSAN PAYUNG JUARA MILO ini bermula dari 05 Oktober 2019 sehingga 29 Disember 2019.

**S18: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?**

J: Anda boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 (Isnin – Jumaat, 8pagi – 8malam) untuk sebarang bantuan yang diperlukan.

**S19: Apakah saiz & bahan untuk Payung Juara MILO?**

J: Panjang 98cm, dengan panel 30 inci, dua kanopi. Fabrik payung diperbuat dengan pongee.

**S20: Mengapa payung ini mempunyai dua kanopi?**

J: Ini kerana payung ini bersaiz besar, dengan adanya dua kanopi, ia akan membantu dengan kawalan angin dan payung tidak akan mudah terbalik.